

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Northern Corridor Research Centre (NCRC)
Sent: Thursday, 21 September, 2017 3:10 PM
To: UUM - All Staff
Subject: NCRC BERJAYA MENERIMA GERAN PENYELIDIKAN ILMU PENGURUSAN ISLAMI
ANJURAN AKADEMI PENGURUSAN YaPEIM



RABU, 21 SEPTEMBER 2017 | 1 MUHARAM 1438H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

YBhg. Dato' Seri/Datuk/Dato'/Datin/Y.Brs. Prof/Dr./Tuan/Puan



NCRC Online : Satu majlis penghargaan dan penyampaian surat tawaran telah diadakan pada 18 September 2017 yang lalu bagi meraikan penyelidik Northern Corridor Research Centre (NCRC) yang menerima Geran Penyelidikan Ilmu Pengurusan Islami (GPIPI) daripada Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM) dibawah Akademi Pengurusan YaPIEM (AKADEMI).

Geran GPIPI ini adalah merupakan salah satu bidang kerjasama yang telah dimeterai dalam Memoremum Persefahaman (MoU) antara UUM dan AKADEMI YaPEIM. Geran GPIPI ini bertujuan untuk menggalakkan ahli akademik dalam bidang berkaitan daripada institusi pengajian tinggi menyumbang kepakaran mereka demi Pembangunan Ilmu Pengurusan Islami.

Kajian yang telah diterima melalui geran GPIPI ini adalah menepati kriteria yang digariskan oleh pihak AKADEMI YaPIEM iaitu kajian yang dapat dimanfaatkan oleh semua pihak terutamanya umat Islam, berdasarkan buku Pengurusan dalam Islam: Menghayati Prinsip dan Nilai Qurani terbitan Akademi serta merupakan kajian baru dan belum dilaksanakan oleh mana-mana pihak.

AKADEMI YaPEIM memperuntukkan geran GPIPI ini secara berperingkat di mana NCRC telah berjaya menerima tiga (3) peruntukan kajian ini dengan nilai keseluruhan pembiayaan berjumlah RM42,100.00. Kajian tersebut ialah Pelakasanan Konsep Khiyar: Memperkasa Pengurusan Kontrak Dalam Sistem Perniagaan Francais di Malaysia yang diketuai oleh Dr. Aminurraasyid Yatiban, Model Etika Keusahawanan Berteraskan Nilai-Nilai Islam yang diketuai oleh Dr. Mohamad Khairi Haji Othman dan Gelagat Kepatuhan Pengguna Islam Negeri Kedah Terhadap Status Halal yang diketuai oleh Dr. Shamshuritawati Sharif.

Prof. Dr. Rohana Yusof, Pengarah NCRC mengucapkan Tahniah kepada penyelidik di atas kejayaan memperolehi geran GPIPI serta amat mengalu-alukan usaha seumpama ini kerana ianya akan menaikkan imej Universiti Utara Malaysia (UUM) sebagai sebuah Universiti Pengurusan Terkemuka di rantau ini.

Habis.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.